



**JABATAN PERANCANG BANDAR DAN DESA
NEGERI PULAU PINANG**

DOKUMEN SEBUT HARGA

- TAJUK** : **SEBUTHARGA PEROLEHAN PERKHIDMATAN PENYEWAAN, PEMBEKALAN, PENGHANTARAN DAN PENYELENGGARAAN EMPAT (4) UNIT MESIN PENYALIN DIGITAL UNTUK JABATAN PERANCANG BANDAR DAN DESA NEGERI PULAU PINANG BAGI TEMPOH TIGA PULUH ENAM (36) BULAN BERMULA 1 OKTOBER 2020 SEHINGGA 30 SEPTEMBER 2023**
- NOMBOR SEBUT HARGA** : **KST/PMPP/20/04**
- TARIKH IKLAN SEBUT HARGA** : **10 OGOS 2020 (ISNIN)**
- TARIKH TUTUP SEBUT HARGA** : **18 OGOS 2020 (SELASA)**
- MASA TUTUP SEBUT HARGA** : **12.00 TENGAH HARI**
- KOD BIDANG** : **221502 – PERKHIDMATAN, PENYEWAAN DAN PENGURUSAN, MESIN DAN PERALATAN PEJABAT**

ISI KANDUNGAN

	PERKARA	MUKASURAT
Senarai Semakan		2 - 3
Kenyataan Tawaran		4 - 5
Arahan Kepada Penyebut Harga		6 - 8
Syarat-Syarat Sebut Harga		9 - 17
LAMPIRAN A - Borang Q		18 - 20
LAMPIRAN B - Surat Akuan Penyebut Harga		21 - 22
LAMPIRAN C - Surat Akuan Pembida		23 - 24
LAMPIRAN D - Laporan Sulit Daripada Bank / Institusi kewangan Mengenai Kedudukan Kewangan Penyebut Harga		25 - 26
LAMPIRAN E - Keterangan Mengenai Syarikat Penyebut Harga		27 - 31
LAMPIRAN F - Jadual Pengalaman Syarikat		32
LAMPIRAN G - Jadual Kerja Dalam Tangan		34
LAMPIRAN H - Jadual Tawaran Harga		34
LAMPIRAN I - Jadual Penentuan Teknikal		35 - 44
LAMPIRAN J - Format Kontrak		45 - 72
LAMPIRAN K - Surat Akuan Pembida Berjaya		73 - 74

**SENARAI SEMAKAN
(BEKALAN/PERKHIDMATAN/KERJA)**

Sila tandakan / Bagi Dokumen-dokumen Yang Disertakan

Bil.	Perkara/Dokumen	Untuk Di tanda Oleh Syarikat	Untuk Di Tanda Oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga
1	Salinan Resit Pembelian Dokumen Sebut Harga		
2	Salinan Sijil Pendaftaran Syarikat Dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia		
3	Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Dari Kementerian Kewangan		
4	Salinan Sijil Akuan Bumiputera Dari Kementerian Kewangan		
5	Salinan Pendaftaran Kod Bidang Dengan Kementerian Kewangan Malaysia		
6	Salinan Pendaftaran Sistem Perolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang (sysP)		
7	Surat Perwakilan Kuasa		
8	Salinan surat perakuan pembekal berdaftar kepada syarikat pembuat		
9	Salinan Penyata Bulanan Akaun Bank bagi Tiga (3) Bulan Terakhir Yang Telah Disahkan Oleh Pihak Bank		
10	LAMPIRAN A - Borang Q		
11	LAMPIRAN B - Surat Akuan Penyebut Harga		
12	LAMPIRAN C – Surat Akuan Pembida		
13	LAMPIRAN D – Laporan Sulit Daripada Bank / Institusi kewangan Mengenai Kedudukan Kewangan Penyebut Harga		
14	LAMPIRAN E – Keterangan Mengenai Syarikat Penyebut Harga		
15	LAMPIRAN F – Jadual Pengalaman Syarikat		
16	LAMPIRAN G - Jadual Kerja Dalam Tangan		

17	LAMPIRAN H – Jadual Tawaran Harga		
18	LAMPIRAN I – Jadual Penentuan Teknikal		
19	Profail Syarikat Yang Lengkap		
20	Katalog asal		
21	Borang Sebut Harga Telah Diisi Dengan Lengkap dan Ditandatangani		

PENGESAHAN OLEH SYARIKAT	UNTUK KEGUNAAN JABATAN
<p>Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebut harga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.</p> <p>Tandatangan:</p> <p>Nama : Jawatan : Tarikh :</p>	<p>Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil. (jika ada)</p> <p>Tandatangan:</p> <p>Nama : Jawatan : Tarikh :</p> <p>Tandatangan:</p> <p>Nama : Jawatan : Tarikh :</p>

1. KENYATAAN TAWARAN

- 1.1 Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat pembuat/pembekal tempatan bertaraf Bumiputera yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan yang beralamat di Negeri Pulau Pinang di bawah kod bidang yang berkaitan dan masih sah tempohnya serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini dan berdaftar dengan Sistem Perolehan Negeri Pulau Pinang (sysP).
- 1.2 Sebut harga yang ditawarkan oleh Jabatan Perancang Bandar Dan Desa Negeri Pulau Pinang adalah seperti berikut:

Bil	No. sebut harga/ Tajuk sebut harga	Kod bidang	Tarikh dan masa tutup sebut harga
1	KST/PMPP/20/04 SEBUTHARGA PEROLEHAN PERKHIDMATAN PENYEWAAN, PEMBEKALAN, PENGHANTARAN DAN PENYELENGGARAAN EMPAT (4) UNIT MESIN PENYALIN DIGITAL UNTUK JABATAN PERANCANG BANDAR DAN DESA NEGERI PULAU PINANG BAGI TEMPOH TIGA PULUH ENAM (36) BULAN BERMULA 1 OKTOBER 2020 SEHINGGA 30 SEPTEMBER 2023	221502 PERKHIDMATAN, PENYEWAAN DAN PENGURUSAN, MESIN DAN PERALATAN PEJABAT	18 OGOS 2020 12.00 TENGAH HARI

- 1.3 Dokumen sebut harga boleh dibeli dengan harga Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10.00) sahaja secara dalam talian dan dimuat turun melalui Sistem Perolehan Negeri Pulau Pinang (sysP) <http://ep.penang.gov.my/> mulai 10 Ogos 2020 (Isnin) bermula jam 12.00 tengah hari.

1.4 Sebarang pertanyaan berkaitan sebut harga hendaklah disalurkan kepada:

Bahagian Khidmat Pengurusan Dan Kewangan
Jabatan Perancang Bandar Dan Desa
Negeri Pulau Pinang
Paras 57 KOMTAR
10000 Pulau Pinang

Telefon : 04 - 650 5276

Faks : 04 - 263 7580

1.5 Sebarang pertanyaan berkaitan Sistem Perolehan Negeri Pulau Pinang (sysP) hendaklah disalurkan kepada :

Bahagian Perolehan
Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang
Paras 18 KOMTAR
10990 Georgetown
Pulau Pinang

Telefon : 04 - 264 2396

Emel : ep@penang.gov.my

2. ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA

2.1 HAK KERAJAAN UNTUK MENERIMA/MENOLAK SEBUT HARGA

Kerajaan adalah tidak terikat untuk menerima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu sebut harga. Keputusan jawatankuasa Sebut Harga adalah muktamad.

2.2 CARA-CARA MELENGKAPKAN DOKUMEN SEBUT HARGA

2.2.1 Penyediaan Sebut Harga

- a) Penyebut harga hendaklah membaca arahan-arahan dan syarat-syarat dalam dokumen sebut harga serta menyemak kandungan dokumen sebut harga dengan teliti sebelum mengisi borang-borang sebut harga. Satu resit pembelian dokumen sebut harga hanya dibenarkan bagi satu dokumen sebut harga sahaja dan setiap syarikat yang menyertai hanya boleh mengemukakan satu dokumen sebut harga dengan satu tawaran harga sahaja.
- b) Borang Sebut Harga hendaklah diisi dengan lengkap dan jelas mengikut ruangan-ruangan yang disediakan seboleh-bolehnya ditaip. Jika ditulis tangan hendaklah jelas dan boleh dibaca.
- c) Semua pembetulan atau pindaan ke atas kesilapan-kesilapan yang dibuat terutamanya dalam Jadual Harga dan Surat Akuan Penyebut Harga hendaklah ditandatangani ringkas oleh orang yang menandatangani dokumen Sebut Harga serta dicopkan dengan cop Penyebut Harga (syarikat). Tandatangan ringkas ini hendaklah dibuat setentangan dengan kesilapan yang dibetulkan atau dipinda. Pembetulan

atau pindaan hendaklah dibuat dengan jelas supaya mudah dibaca.

2.2.2 Penyerahan Dokumen Sebut Harga

- a) Dokumen Sebut Harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang dicatatkan dengan nombor sebut harga serta tajuk sebut harga dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga di alamat seperti berikut:-

Jabatan Perancang Bandar Dan Desa
Negeri Pulau Pinang
Paras 57 KOMTAR
10000 Pulau Pinang

- b) Sebut harga yang diserahkan selepas masa yang ditetapkan, berbangkit dari sebarang sebab, tidak akan dipertimbangkan.

2.2.3 Penjelasan Lanjut

Sekiranya terdapat maklumat dalam Dokumen Sebut Harga yang tidak jelas atau bercanggah, Penyebut Harga boleh menghubungi Pegawai berikut untuk penjelasan lanjut.

Nama : Puan Sharniza Binti Rosli
Telefon : 04 - 650 5276
Email : sharniza@planmalaysia.gov.my

Nama : Encik Hasraf Bin Shaikh Hussin
Telefon : 04 - 650 5276
Email : hasraf@planmalaysia.gov.my

2.3 BAYARAN DOKUMEN SEBUT HARGA

Dokumen Sebut Harga ini dijual dengan harga RM10.00 (Ringgit Malaysia Sepuluh Sahaja)

2.4 PERBELANJAAN PENYEDIAAN SEBUT HARGA

Semua perbelanjaan bagi penyediaan sebut harga ini hendaklah ditanggung oleh Penyebut harga sendiri.

2.5 TEMPOH SAH SEBUT HARGA

Sebut harga ini sah selama sembilan puluh (90) hari dari tarikh tutup sebut harga. Penyebut harga tidak boleh menarik balik sebut harganya sebelum tamat tempoh sah sebut harga. Tindakan tatatertib akan diambil sekiranya penyebut harga menarik balik sebut harganya sebelum tamat tempoh sah sebut harga.

2.6 PELAKSANAAN INTEGRITI PACT

2.6.1 Kesemua penyebut harga yang menghantar dokumen sebut harga hendaklah menandatangani Surat Akuan Pembida bahawa ia tidak akan menawar atau memberi rasuah sebagai sogokan untuk mendapatkan kontrak. Surat Akuan Pembida juga dijadikan sebagai dokumen wajib yang perlu disertakan bersama jadual tawaran harga seperti di LAMPIRAN H. Surat Akuan Pembida dan Surat Perwakilan Kuasa adalah dokumen wajib yang perlu disertakan bersama dokumen tawaran penyebut harga.

2.6.2 Penyebut harga yang berjaya akan menandatangani Surat Akuan Pembida Berjaya bahawa ia tidak akan memberi rasuah sebagai ganjaran kerana mendapatkan kontrak. Format Surat Akuan Pembida Berjaya adalah seperti di LAMPIRAN K. Surat Akuan

Pembida Berjaya juga dijadikan sebagai dokumen wajib yang perlu disertakan bersama Surat Setuju Terima/Pesanan Tempatan.

3. SYARAT-SYARAT SEBUT HARGA

3.1 SYARAT-SYARAT AM

3.1.1 Penyebut harga adalah dikehendaki mematuhi prosedur, terma dan syarat serta spesifikasi teknikal seperti yang diterangkan dalam dokumen sebut harga ini. Kegagalan penyebut harga untuk mematuhi perkara-perkara tersebut boleh menyebabkan cadangan sebut harga dibatalkan dan ditolak.

3.1.2 Kemampuan Penyebut harga dalam memberikan perkhidmatan sewaan dan penyelenggaraan mesin penyalin digital amat penting bagi Kerajaan dalam menimbang untuk menerima tawaran penyebut harga.

3.1.3 Jabatan berhak untuk menerima sebahagian atau keseluruhan ke atas mana-mana sebut harga yang dikemukakan.

3.1.4 KEADAAN BARANG

Semua barang yang dibekalkan hendaklah tulen, baru dan belum digunakan.

3.1.5 HARGA

Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk semua diskaun dan kos tambahan yang berkaitan.

3.1.6 SEBUT HARGA SEBAHAGIAN

Sebut harga boleh ditawarkan bagi semua bilangan item atau sebahagian bilangan item.

3.1.7 BARANG SETARA

Sebut harga boleh ditawarkan bagi barang setara yang sesuai dengan syarat butir-butir penuh diberi.

3.1.8 PERSETUJUAN

- a) Kerajaan tidak terikat untuk setuju terima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga; dan
- b) Setiap butiran akan ditimbang sebagai satu sebut harga yang berasingan.

3.1.9 PEMERIKSAAN

- a) Kerajaan sentiasa berhak melantik seseorang pegawai untuk memeriksa dan menguji bekalan itu semasa tempoh pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan bekalan tersebut; dan
- b) Penyebut harga hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.

3.1.10 PERAKUAN MENYATAKAN SPESIFIKASI TELAH DIPATUHI

Penyebut harga dikehendaki memperakui bahawa bekalan/ perkhidmatan yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut spesifikasi atau piawai (jika ada) yang dinyatakan di dalam pelawaan ini.

3.1.11 PENOLAKAN

- a) Barang yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada bekalan yang telah dipersetujui sebut harganya boleh ditolak;

- b) Apabila diminta, penyebut harga hendaklah menyebabkan barang yang ditolak itu dipindahkan atas tanggungan dan perbelanjaannya sendiri, dan ia hendaklah membayar balik kepada Kerajaan segala perbelanjaan yang telah dilakukan mengenai bekalan yang ditolak itu; dan
- c) Fasal-kecil 3.1.11 (a) dan 3.1.11(b) di atas ini tidaklah memudaratkan apa-apa hak Kerajaan untuk mendapatkan ganti rugi kerana kegagalan memenuhi obligasi kontrak.

3.1.12 PENGIKLANAN

Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana sebut harga boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah, atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan Pegawai Pengawal atau Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu.

3.1.13 INSURANS

Tiada apa-apa insurans atas barang dalam perjalanan daripada negeri pembekal atau dalam Malaysia dikehendaki dimasukkan ke dalam sebut harga.

BARANG-BARANG EX-STOK ATAU BARANG-BARANG KELUARAN MALAYSIA

3.1.14 CUKAI

Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk cukai jika berkenaan.

3.1.15 PEMBUNGKUSAN

- a) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan; dan
- b) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau

pembungkusan yang tidak mencukupi atau yang cacat, hendaklah diganti oleh penjual.

3.1.16 PENGENALAN

Nama pembuat, jenama, nombor perniagaan atau nombor katalog dan negeri tempat asal barang itu, jika berkenaan, hendaklah ditunjukkan.

BARANG DIPESAN DARI LUAR MALAYSIA

3.1.17 CUKAI

Harga tawaran hendaklah diertikan sebagai termasuk semua cukai dan unsur-unsur cukai adalah dikehendaki ditunjukkan berasingan.

3.1.18 MATA WANG

Sebut harga hendaklah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM).

3.1.19 PEMBUNGKUSAN

- a) Barang hendaklah dibungkus dengan sesuai untuk dieksport ke Malaysia melainkan jika mengikut norma perdagangan bekalan itu dieksport dengan tidak membungkus;
- b) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan; dan
- c) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau cacat hendaklah diganti oleh penyebut harga.

3.2 PINDAAN

4.2.1 Jabatan berhak untuk meminda dan memotong mana-mana fasa atau mana-mana bahagian yang membentuk sebahagian daripada dokumen sebut harga ini pada bila-bila masa tanpa memberikan sebarang notis terlebih dahulu bagi menguatkuasakan perubahan dasar, keperluan atau membetulkan mana-mana ralat atau bahagian yang tidak dimasukkan, kekaburan atau ketidaktekalan yang mungkin timbul selepas dokumen sebut harga ini dikeluarkan.

3.2.2 Dalam perkara ini sebarang pindaan pada dokumen sebut harga akan dimaklumkan kepada penyebutharga yang berkenaan melalui surat rasmi.

3.3 TAKRIF

Sebut harga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia, dan penyebut harga bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai sebut harga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

3.4 SKOP SEBUT HARGA

Penyebutharga mesti menjalankan kerja-kerja sepertimana yang dinyatakan di LAMPIRAN I : Jadual Penentuan Teknikal dalam dokumen sebut harga ini dengan sempurna dan diterima oleh kerajaan.

3.5 PERJANJIAN

Penyebut harga yang berjaya adalah dikehendaki menandatangani satu (1) perjanjian dengan Kerajaan seperti di LAMPIRAN J. Sementara dokumen perjanjian diuruskan dan dirasmikan, Surat Setuju Terima

Tawaran dan Dokumen Sebut harga ini hendaklah menjadi kontrak yang mengikat antara Kerajaan dan Penyebut harga.

3.6 MAKLUMAT TAWARAN

3.6.1 Semua maklumat tawaran hendaklah diisi dalam bentuk format asal dokumen sebut harga ini. Maklumat tambahan hendaklah dikemukakan sebagai lampiran.

3.6.2 Tawaran yang dikemukakan hendaklah mengikut spesifikasi teknikal yang lengkap bagi perkhidmatan sewaan dan penyelenggaraan yang hendak ditawarkan.

3.6.3 Cadangan teknikal

- a) Penyebut harga yang berkenaan mestilah memastikan bahawa cadangan sebut harga mereka memenuhi kehendak setiap syarat dan kenyataan yang ditimbulkan dalam spesifikasi sebut harga ini secara jelas dan tepat. Kegagalan untuk memenuhi keperluan ini boleh menyebabkan cadangan penyebut harga yang berkenaan ditolak.
- b) Jabatan tidak bertanggungjawab atas sebarang salah faham yang timbul akibat kegagalan penyebut harga yang berkenaan untuk mematuhi perenggan 3.6.3 (a).
- c) Apabila tidak ada jawapan terhadap sebarang syarat Spesifikasi Sebut Harga, penyebut harga yang berkenaan akan disifatkan tidak mematuhi keperluan yang dinyatakan. Apabila penyebut harga yang berkenaan tidak bersedia untuk menerima syarat-syarat tertentu spesifikasi sebut harga, perkara ini hendaklah dinyatakan dengan jelas dalam cadangan sebut harga penyebut harga yang berkenaan.

Kenyataan mengenai sebut harga peyebut harga hendaklah diberikan secara bertulis.

- d) Cadangan Teknikal mesti mengandungi :-
- LAMPIRAN I - Jadual Penentuan Teknikal; dan
 - Katalog asal

Kegagalan dalam menyediakan dokumen di atas akan menyebabkan cadangan penyebut harga ditolak.

3.6.4 Cadangan Kewangan

- a) Cadangan Kewangan hendaklah berdasarkan kepada keperluan perolehan yang dinyatakan dalam spesifikasi teknikal sebut harga ini. Cadangan Kewangan yang dikemukakan hendaklah mengambilkira segala kos yang terlibat dan melengkapkan Jadual Tawaran Harga di LAMPIRAN H. Jadual Tawaran Harga yang dikemukakan hendaklah di dalam Ringgit Malaysia (RM)

3.6.5 Nota Penyerahan

- a) Penyebut harga tidak boleh menggunakan nama, Alamat dan logo Syarikat pada sampul surat dokumen sebut harga yang dikemukakan.
- b) Sebut harga yang tidak lengkap, tidak mengikut arahan dan tidak teratur akan ditolak.
- c) Penyebut harga dikehendaki menandatangani, meletakkan cop syarikat dan mengisi butiran yang diperlukan di ruangan yang disediakan pada setiap dokumen yang dilampirkan.

- d) Semua dokumen, butiran dan lampiran yang telah diisi/diserta dengan lengkap hendaklah dikemukakan sebelum waktu dan Tarikh tutup.
- e) Dokumen tersebut hendaklah dikemukakan dalam sampul berlakri dan ditanda di bahagian kanan atas sampul surat itu dengan:

No. Sebut Harga : KST/PMPP/20/04

SEBUTHARGA PEROLEHAN PERKHIDMATAN PENYEWAAN, PEMBEKALAN, PENGHANTARAN DAN PENYELENGGARAAN EMPAT (4) UNIT MESIN PENYALIN DIGITAL UNTUK JABATAN PERANCANG BANDAR DAN DESA NEGERI PULAU PINANG BAGI TEMPOH TIGA PULUH ENAM (36) BULAN BERMULA 1 OKTOBER 2020 SEHINGGA 30 SEPTEMBER 2023

3.7 SULIT

Penyebut harga yang berkenaan hendaklah tidak membuat sebarang kenyataan umum atau berbincang dengan mana-mana pihak tentang spesifikasi sebut harga ini atau tentang penawaran yang berikutnya bagi sebarang pesanan atau iktan kontrak menurut spesifikasi sebut harga ini tanpa kebenaran bertulis dari jabatan.

3.8 HAK JABATAN

Jabatan berhak untuk tidak memilih sebut harga yang terendah ataupun sebarang sebut harga yang dikemukakan.

3.9 PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH

- 3.9.1 Penyebut harga tidak boleh menawar, memberi atau bersetuju untuk memberi kepada mana-mana kakitangan Jabatan sebarang hadiah atau pertimbangan apa juapun sebagai dorongan atau balasan kerana melakukan apa-apa tindakan berhubung dengan

perolehan ini atau mana-perolehan lain dengan Jabatan atau kerana menunjukkan atau tidak menunjukkan sokongan terhadap mana-mana orang dalam perolehan ini atau mana-mana perolehan Jabatan yang lain.

- 3.9.2 Mana-mana pelanggaran syarat yang dinyatakan dalam perenggan 3.9.1 oleh Penyebut harga atau oleh seseorang yang bekerja dengannya atau bertindak bagi pihaknya (sama ada dengan atau tanpa pengetahuan Jabatan) akan terjumlah kepada suatu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 [Akta 694], berhubung dengan perolehan ini atau perolehan lain dengan Jabatan dan dengan ini akan sentiasa memberikan hak kepada Jabatan untuk menamatkan Perjanjian ini dan mendapatkan kembali jumlah sebarang kerugian yang timbul akibat daripada penamatan itu daripada Penyebut harga.
- 3.9.3 Tanpa menyentuh apa-apa hak Kerajaan yang lain, jika Kontraktor, prinsipal, personel atau pekerjanya disabitkan oleh mahkamah bagi perbuatan rasuah atau aktiviti haram atau menyalahi undang-undang berkaitan kontrak/perolehan ini atau mana-mana kontrak/perolehan lain yang dimasuki di antara Kontraktor dan Kerajaan, Kerajaan berhak untuk menamatkan perolehan ini pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis bagi tujuan tersebut kepada Kontraktor.
- 3.9.4 Berikutan penamatan tersebut, Kerajaan berhak kepada apa-apa kerugian, kos, ganti rugi dan perbelanjaan (termasuk kos-kos dan sampingan) yang timbul dan ditanggung akibat penamatan tersebut.
- 3.9.5 Bagi mengelakkan keraguan, Pihak-Pihak bersetuju bahawa Kontraktor tidak layak untuk menuntut apa-apa bentuk ganti rugi yang lain termasuk kerugian perolehan pendapatan, pampasan atau apa-apa tuntutan lain berbangkit daripada penamatan Perjanjian ini.

**BORANG Q
(ARAHAN PERBENDAHARAAN 170)**

Bila menjawab, sila nyatakan nombor ini

No. Sebut Harga
KST/PMPP/20/04

(Kew. 284-Pin. 5/94)

**KERAJAAN MALAYSIA
NEGERI PULAU PINANG
SEBUT HARGA UNTUK BEKALAN/PERKHIDMATAN**

SEBUTHARGA PEROLEHAN PERKHIDMATAN PENYEWAAN, PEMBEKALAN, PENGHANTARAN DAN PENYELENGGARAAN EMPAT (4) UNIT MESIN PENYALIN DIGITAL UNTUK JABATAN PERANCANG BANDAR DAN DESA NEGERI PULAU PINANG BAGI TEMPOH TIGA PULUH ENAM (36) BULAN BERMULA 1 OKTOBER 2020 SEHINGGA 30 SEPTEMBER 2023.

Dokumen ini hendaklah disifatkan menjadi dan dibaca dan ditaksirkan sebagai sebahagian daripada Perjanjian Sebut Harga.

Kepada (Nama Syarikat) No.Tel: No. Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan: Kod bidang pendaftaran yang relevan dengan pembelian ini	Pelawaan sebut harga dikeluarkan oleh JABATAN PERANCANG BANDAR DAN DESA NEGERI PULAU PINANG PARAS 57, KOMTAR 10000 PULAU PINANG No. Telefon : 04 - 650 5276
--	---

1. Sila beri sebut harga untuk bekalan/perkhidmatan yang disenaraikan di bawah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan:
 - 1.1 Syarat penyerahan/penyempurnaan **seperti di keseluruhan dokumen Sebut Harga dan LAMPIRAN J**
 - 1.2 Tarikh penyerahan/penyempurnaan adalah **pada 1 Oktober 2020.**
 - 1.3 Tempoh kontrak adalah pada **1 Oktober 2020 sehingga 30 September 2023.**
 - 1.4 Arahan pengiriman **seperti di perenggan 2.2.2 (a)**
 - 1.5 Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam suatu sampul berlakri dan bertanda nombor sebut harga **No. Sebutharga: KST/PMPP/20/04.**
 - 1.6 Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang berkenaan di alamat di atas tidak lewat pada **jam 12.00 tengah hari 18 Ogos 2020 (Isnin).**
 - 1.7 Tempoh sah laku sebut harga hendaklah **90 hari** selepas tarikh tutup.

Tandatangan :

Nama Pegawai :

Jawatan :

JABATAN PERANCANG
BANDAR DAN DESA
NEGERI PULAU PINANG

Bil	Perihal perkhidmatan dan syarat-syarat Khas	Unit Ukuran	Kuantiti/ Keperapan	Kadar (RM)	Harga (RM)
Untuk diisi oleh Jabatan				Untuk diisi oleh Penyebut Harga	
1	PERKHIDMATAN PENYEWAAN, PEMBEKALAN, PENGHANTARAN DAN PENYELENGGARAAN EMPAT (4) UNIT MESIN PENYALIN DIGITAL UNTUK JABATAN PERANCANG BANDAR DAN DESA NEGERI PULAU PINANG BAGI TEMPOH TIGA PULUH ENAM (36) BULAN BERMULA 1 OKTOBER 2020 SEHINGGA 30 SEPTEMBER 2023. Tarikh Penyerahan/Penyempurnaan ditawarkan..... *sila sertakan sesalinan Sijil Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan	SEPERTI DI LAMPIRAN H	SEPERTI DI LAMPIRAN H		
				JUMLAH

i) Harga yang ditawarkan adalah harga bersih; dan

ii) Tarikh penyerahan/penyempurnaan adalah mengikut jadual penghantaran

Saya/Kami dengan ini menawar untuk membekalkan bekalan/perkhidmatan di atas dengan harga dan syarat-syarat yang dinyatakan di atas tertakluk kepada syarat-syarat di atas dan di belakang ini.

Tandatangan Penyebut Harga :

Nama :

Jawatan :

No. Kad Pengenalan :

Alamat Syarikat :

.....

.....

Cop Rasmi Syarikat :

Tarikh :

SURAT AKUAN PENYEBUT HARGA

Kepada:

Pengarah

Jabatan Perancang Bandar Dan Desa

Negeri Pulau Pinang

Paras 57 KOMTAR

10000 Pulau Pinang

Tuan,

SEBUTHARGA PEROLEHAN PERKHIDMATAN PENYEWAAN, PEMBEKALAN, PENGHANTARAN DAN PENYELENGGARAAN EMPAT (4) UNIT MESIN PENYALIN DIGITAL UNTUK JABATAN PERANCANG BANDAR DAN DESA NEGERI PULAU PINANG BAGI TEMPOH TIGA PULUH ENAM (36) BULAN BERMULA 1 OKTOBER 2020 SEHINGGA 30 SEPTEMBER 2023.

Di bawah dan tertakluk kepada Arahan Kepada Penyebutharga, saya yang menurunkan tandatangan di bawah ini adalah dengan ini mengambil bahagian sebut harga dan menawarkan untuk melaksanakan perkhidmatan di atas mengikut penentuan spesifikasi yang ditetapkan di dalam Dokumen Sebut harga bagi tempoh perkhidmatan selama tiga puluh enam (36) bulan.

2. Saya yang menurunkan tandatangan di bawah ini bersetuju menerima serta mematuhi dan terikat dengan semua Syarat-syarat Kontrak dan Spesifikasi Sebutharga ini dan bersetuju di atas harga yang ditawarkan sebagai asas perkiraan bagi pembayaran perkhidmatan yang akan dipesan oleh Jabatan Perancang Bandar Dan Desa Negeri Pulau Pinang.

3. Dengan ini juga telah difahami bahawa Jabatan Perancang Bandar Dan Desa Negeri Pulau Pinang berhak menerima atau menolak sebarang sebutharga ini, sama ada harga yang ditawarkan rendah, tinggi atau sama ada dengan sebutharga-sebutharga yang lain. Saya juga bersetuju untuk menerima kesemua atau sebahagian dari item-item yang ditawarkan dan sedia mengikut kehendak dan pertimbangan Jabatan Perancang Bandar Dan Desa Negeri Pulau Pinang. **Saya juga bersetuju bahawa harga sebutharga yang saya beri ini akan sah laku (*valid*) dan tidak ditarik balik dalam tempoh sembilan puluh (90) hari dari tarikh tutup sebutharga.**

4. Saya juga mengesahkan, setelah menyemak sendiri iaitu semua dokumen yang digunakan untuk sebutharga ini adalah yang sebenar yang terdapat di dalam Dokumen Sebutharga.

(Tandatangan Pemilik Syarikat/ Pengarah syarikat)

Nama :
No. Kad Pengenalan :
Jawatan :
Alamat :

(Tandatangan Saksi)

Nama Saksi :
No. Kad Pengenalan :
Jawatan :
Alamat :

SURAT AKUAN PEMBIDA

NO. SEBUT HARGA : KST/PMPP/20/04

SEBUTHARGA PEROLEHAN PERKHIDMATAN PENYEWAAN, PEMBEKALAN, PENGHANTARAN DAN PENYELENGGARAAN EMPAT (4) UNIT MESIN PENYALIN DIGITAL UNTUK JABATAN PERANCANG BANDAR DAN DESA NEGERI PULAU PINANG BAGI TEMPOH TIGA PULUH ENAM (36) BULAN BERMULA 1 OKTOBER 2020 SEHINGGA 30 SEPTEMBER 2023.

Saya No. Kad Pengenalan
yang mewakili No.
Pendaftaran Syarikat dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam Jabatan Perancang Bandar Dan Desa Negeri Pulau Pinang atau mana-mana individu lain, sebagai sokongan untuk dipilih dalam tender/sebut harga* seperti di atas. Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati cuba menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam Jabatan Perancang Bandar Dan Desa Negeri Pulau Pinang atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebut harga* seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1 Penarikan balik tawaran kontrak bagi tender/sebut harga* di atas; atau
- 2.2 Penamatan kontrak bagi tender/sebut harga* di atas; dan
- 2.3 Lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan yang berkuatkuasa.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebut harga* seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....
Nama :
No. Kad Pengenalan :
Tarikh :
Cop Syarikat :

Catatan: i) *Potong mana yang tidak berkenaan.
ii) Surat akuan ini hendaklah dikemukakan bersama Surat Perwakilan Kuasa

SULIT

**LAPORAN SULIT DARIPADA BANK / INSTITUSI KEWANGAN MENGENAI
KEDUDUKAN KEWANGAN PENYEBUTHARGA**

NO. SEBUT HARGA : KST/PMPP/20/04

SEBUTHARGA PEROLEHAN PERKHIDMATAN PENYEWAAN, PEMBEKALAN, PENGHANTARAN DAN PENYELENGGARAAN EMPAT (4) UNIT MESIN PENYALIN DIGITAL UNTUK JABATAN PERANCANG BANDAR DAN DESA NEGERI PULAU PINANG BAGI TEMPOH TIGA PULUH ENAM (36) BULAN BERMULA 1 OKTOBER 2020 SEHINGGA 30 SEPTEMBER 2023.

(Borang ini hendaklah dilengkapkan oleh pihak Bank atau Institusi Kewangan lain dan diserahkan kepada Penyebutharga dalam satu sampul berlakri untuk disertakan bersama-sama sebutarganya sekiranya Penyebutharga mempunyai kemudahan kredit dengan Bank / Institusi Kewangan yang berkenaan).

Kepada :

**Jabatan Perancang Bandar Dan Desa
Negeri Pulau Pinang,
Tingkat 57 KOMTAR,
10000 Pulau Pinang.**

Nama Penyebutharga :

- I. KEMUDAHAN KREDIT yang boleh digunakan untuk pelaksanaan Projek:
Kemudahan Kredit yang telah dilulus dan kemudahan kredit tambahan minimum yang layak diperolehi oleh Penyebutharga adalah seperti berikut:

Bentuk Kemudahan Kredit	Baki Daripada Yang Telah Diluluskan (RM)	Tambahan Minima Yang Akan Diluluskan (RM)	Jumlah (RM)
<i>Overdraft</i>			
<i>Overdraft Bercagar</i>			
Talian Kredit yang akan/layak diperolehi untuk projek ini			
Kemudahan Lain (sila nyatakan)			
Jumlah			

- II. ULASAN-ULASAN mengenai kedudukan kewangan dan akaun Penyebutharga.

.....
.....

Tandatangan untuk dan bagi pihak bank:

Meteri Bank:

.....

Nama Bank :

Nama Pegawai :

Jawatan :

Tarikh :

KETERANGAN MENGENAI SYARIKAT PENYEBUT HARGA

BIL	PERKARA	MAKLUMAT
1.	Nama Syarikat	
2.	No. Pendaftaran Syarikat	
3.	Alamat Pendaftaran/Syarikat	
4.	Alamat Surat Menyurat	
5.	No. Telefon Syarikat	
6.	No. Faks Syarikat	
7.	Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan (Sila sertakan salinan sijil pendaftaran)	*Ada / Tiada Tempoh Pendaftaran Mulai : Hingga :
8.	Pendaftaran dengan Sistem Perolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang (Sila sertakan salinan sijil pendaftaran)	*Ada / Tiada

9.	Taraf Penyebut Harga (Sila sertakan salinan sijil pendaftaran)	*Bumiputera / Bukan Bumiputera
10.	Pendaftaran/Kelas Jika ada (sertakan Salinan)	
11.	Bidang Pendaftaran	
12.	Hakmilik Syarikat	* Persendirian / Perkongsian / Sendirian Berhad / Berhad
13.	Modal Syarikat	Persendirian / Perkongsian RM
		Sendirian Berhad / Berhad Modal Dibenar : RM Modal Dibayar : RM
14.	Butiran Kewangan Syarikat Sila sertakan salinan penyata berikut: 1. Penyata bulanan akaun bank bagi 3 bulan terakhir sebelum tarikh tutup sebutharga (wajib) 2. Deposit tetap (Jika ada) 3. Kemudahan kredit daripada bank (Jika ada)	
15.	Kontrak Dengan Kerajaan (Beritahu sama ada Syarikat tuan mengalami penggantungan atau penamatan kontrak dengan Kerajaan oleh kerana pelanggaran syarat-syarat kontrak)	*Ada / tiada

16. Butir-butir pemilikan Syarikat

16.1 Persendirian

Nama Pemilik :

No. Kad Pengenalan :

16.2 Perkongsian :

Bil	Nama Pekongsi	Kad Pengenalan	% Perkongsian
1.			
2.			
3.			
4.			
5.			

(Sila gunakan lampiran jika ruang tidak mencukupi)

16.3 Sendirian Berhad/ Berhad:

Bil	Nama Pemegang Saham	Kad Pengenalan	% Syer
1.			
2.			
3.			
4.			
5.			

(Sila gunakan lampiran jika ruang tidak mencukupi)

16.4 Butir-butir Lembaga Pengarah Syarikat

Bil	Nama	Kad Pengenalan	Warganegara / Bangsa
1.			
2.			
3.			
4.			
5.			

(Sila gunakan lampiran jika ruang tidak mencukupi)

17. Struktur Pengurusan Syarikat:-

17.1 Eksekutif

Bil	Taraf	Bil. Kakitangan	%
1.	Bumiputera		
2.	Bukan Bumiputera		
3.	Bukan Warganegara		

17.2 Bukan Eksekutif

Bil	Taraf	Bil. Kakitangan	%
1.	Bumiputera		
2.	Bukan Bumiputera		
3.	Bukan Warganegara		

17.3 Peratusan pekerja-pekerja dari segi bangsa yang digunakan oleh syarikat

Bil	Warganegara	Peratusan
1.	Melayu	
2.	Cina	
3.	India	
4.	Lain-Lain	

17.4 Kategori pekerja

Bil	Kategori Pekerja / Jawatan	Bil. Kakitangan	%
1.	Pekerja Teknikal a) b) c) d)		
2.	Pekerja Bukan Teknikal a) b) c) d)		

(Sila gunakan lampiran jika ruang tidak mencukupi)

18. Lain-Lain Keterangan mengenai syarikat:

19. PENGAKUAN

(Ditandatangani oleh pemilik syarikat/ Pengarah Syarikat dan bertanggungjawab dalam urusan sebutharga ini)

21.1 Saya sebagai pemilik tunggal/Pengarah Syarikat membuat pengakuan bahawa maklumat yang dinyatakan dalam borang sebut harga adalah BENAR.

21.2 Jika maklumat yang dinyatakan dalam borang sebut harga didapati tidak benar atau cuba menyembunyikan maklumat maka saya bersetuju sebutharga saya DITOLAK atau KONTRAK DITAMATKAN (sekiranya tawaran diterima dan dilantik).

(Tandatangan Pemilik Syarikat/Pengarah Syarikat)

Nama :
No. Kad Pengenalan :
Jawatan :
Tarikh :

(Tandatangan Saksi)

Nama Saksi :
No. Kad Pengenalan :
Tarikh :

Catatan: i) *Potong mana yang tidak berkenaan.

JADUAL PENGALAMAN SYARIKAT

NO. SEBUT HARGA : KST/PMPP/20/04

SEBUTHARGA PEROLEHAN PERKHIDMATAN PENYEWAAN, PEMBEKALAN, PENGHANTARAN DAN PENYELENGGARAAN EMPAT (4) UNIT MESIN PENYALIN DIGITAL UNTUK JABATAN PERANCANG BANDAR DAN DESA NEGERI PULAU PINANG BAGI TEMPOH TIGA PULUH ENAM (36) BULAN BERMULA 1 OKTOBER 2020 SEHINGGA 30 SEPTEMBER 2023.

Senaraikan kerja yang telah disiapkan/dilaksanakan berkaitan dengan kontrak **Perkhidmatan Penyewaan, Pembekalan, Penghantaran Dan Penyelenggaraan Mesin penyalin digital** untuk tempoh 3 tahun (Mei 2017 hingga April 2020)

Nama Kontrak	Nama dan Alamat Penuh Jabatan/Institusi	Harga Sebutharga (RM)	Tempoh (sila nyatakan tarikh)	Nama & No. Telefon Pegawai bertanggungjawab mengawas kontrak untuk dihubungi.

- Catatan:**
- i) Sila gunakan lampiran jika ruang tidak mencukupi
 - ii) Sila sertakan surat tawaran kontrak/ bukti daripada jabatan/ agensi berkenaan.

JADUAL KERJA DALAM TANGAN

NO. SEBUT HARGA : KST/PMPP/20/04

SEBUTHARGA PEROLEHAN PERKHIDMATAN PENYEWAAN, PEMBEKALAN, PENGHANTARAN DAN PENYELENGGARAAN EMPAT (4) UNIT MESIN PENYALIN DIGITAL UNTUK JABATAN PERANCANG BANDAR DAN DESA NEGERI PULAU PINANG BAGI TEMPOH TIGA PULUH ENAM (36) BULAN BERMULA 1 OKTOBER 2020 SEHINGGA 30 SEPTEMBER 2023.

Senaraikan kerja yang berkaitan dengan kontrak **Perkhidmatan Penyewaan, Pembekalan, Penghantaran Dan Penyelenggaraan Mesin penyalin digital** yang sedang dijalankan bagi tempoh Januari 2019 ke atas

Nama Kontrak	Nama dan Alamat Penuh Jabatan/Institusi	Harga Sebutharga (RM)	Tempoh (sila nyatakan tarikh)	Nama & No. Telefon Pegawai bertanggungjawab mengawas kontrak untuk dihubungi.

- Catatan:**
- i) Sila gunakan lampiran jika ruang tidak mencukupi
 - ii) Sila sertakan surat tawaran kontrak/ bukti daripada jabatan/ agensi berkenaan.

JADUAL TAWARAN HARGA

NO. SEBUT HARGA : KST/PMPP/20/04

SEBUTHARGA PEROLEHAN PERKHIDMATAN PENYEWAAN, PEMBEKALAN, PENGHANTARAN DAN PENYELENGGARAAN EMPAT (4) UNIT MESIN PENYALIN DIGITAL UNTUK JABATAN PERANCANG BANDAR DAN DESA NEGERI PULAU PINANG BAGI TEMPOH TIGA PULUH ENAM (36) BULAN BERMULA 1 OKTOBER 2020 SEHINGGA 30 SEPTEMBER 2023.

No	Perihal Barang-Barang/Perkhidmatan dan Syarat-Syarat Khas	Cadangan Bil. Unit	Sewaan satu (1) bulan bagi seunit (RM)	Jumlah sewa untuk satu (1) bulan bagi dua (2) unit (RM)	Jumlah sewa untuk tiga (3) tahun bagi dua (2) unit (RM)	Kos Cetakan Semuka (RM)
1.	Mesin Pnyalin Digital Berwarna	2				Warna : Hitam putih :
2.	Mesin Pnyalin Digital Hitam Putih	2				Hitam putih :
JUMLAH TAWARAN HARGA KESELURUHAN						

(Tandatangan Pemilik Syarikat/Pengarah Syarikat)

Nama :
No. Kad Pengenalan :
Jawatan :
Tarikh :
Cop Syarikat :

**JADUAL PENENTUAN TEKNIKAL
NO. SEBUT HARGA : KST/PMPP/20/04**

SEBUTHARGA PEROLEHAN PERKHIDMATAN PENYEWAAN, PEMBEKALAN, PENGHANTARAN DAN PENYELENGGARAAN EMPAT (4) UNIT MESIN PENYALIN DIGITAL UNTUK JABATAN PERANCANG BANDAR DAN DESA NEGERI PULAU PINANG BAGI TEMPOH TIGA PULUH ENAM (36) BULAN BERMULA 1 OKTOBER 2020 SEHINGGA 30 SEPTEMBER 2023.

1. Mesin Penyalin Digital Berwarna

Deskripsi	Spesifikasi	Spesifikasi Mesin Yang Ditawarkan	
		Ya / Tidak	Catatan
1. Mesin Penyalin Pelbagai Fungsi	Jenama : Model : Tahun pengeluaran :		
2. Pelbagai fungsi	Sistem serbaguna penuh digital :- <ul style="list-style-type: none"> • Salin • Imbas • Cetak 		
3. Keadaan Mesin	Mesin mestilah baru dan belum pernah digunakan		
4. Sistem Memori	Tidak kurang dari 4GB		

Deskripsi	Spesifikasi	Spesifikasi Mesin Yang Ditawarkan	
		Ya / Tidak	Catatan
5. Kelajuan Cetakan	Kelajuan cetakan Saiz A4 sekurang-kurangnya : 35 helai seminit hingga 40 helai seminit (berwarna dan hitam putih).		
6. Kapasiti Hard Disk	Tidak kurang dari 200GB		
7. Saiz kertas	Minimum A5 – A3		
8. Kapasiti Dulang Standard (Paper Capacity)	Tidak kurang dari 500 helaian kertas A3-A4		
9. Jumlah Dulang (Paper Tray)	Sekurang-kurangnya 2 dulang kertas (paper tray) tidak termasuk dulang pintasan.		
10. Bypass Tray (Dulang Pintasan)	Sekurang-kurangnya 100 helai (A4- A3)		
11. Kapasiti Dokumen feeder	Muatan tidak kurang dari 100 helai dokumen asal (A3-A4)		
12. Keupayaan mencetak pelbagai Berat Kertas	Sekurang-kurangnya dalam lingkungan 60gsm – 250gsm		
13. Auto Duplex	Disediakan		
14. Resolusi Cetakan	Minima 600 X 600 dpi		

Deskripsi		Spesifikasi	Spesifikasi Mesin Yang Ditawarkan	
			Ya / Tidak	Catatan
15.	Pengawalan Pengecilan/Pembesaran (Zoom Exposure)	Antara 25% - 400% dalam kadar 0.1% kenaikan.		
16.	Penyusunan Elektronik	Mestilah mampu melakukan tugas susunan(sorting)		
17.	Template (One Touch Program Button)	Kerja-kerja biasa digunakan boleh diprogram untuk digunakan melalui satu sentuhan sahaja.		
18.	Print On Demand (cetakan dapat dilakukan terus melalui telefon pintar dan gadget)	Dilengkapi sistem teknologi yang dapat melakukan cetakan terus melalui telefon pintar dan gadget pintar.		
19.	Masa Pemanasan (Warm-up Time)	Tidak melebihi 20 saat.		
20.	Cetakan Pertama (first copy output time)	Tidak melebihi 6.5 Saat (berwarna dan hitam putih).		
21.	Kelajuan Alat Pengimbas (Scanner)	Sekurang-kurangnya 80 image seminit		
22.	Imbasan berwarna	Full Colour Scanning		

Deskripsi	Spesifikasi	Spesifikasi Mesin Yang Ditawarkan		
		Ya / Tidak	Catatan	
23.	Keupayaan Pengimbas	Imbasan terus ke email, USB Devices, Komputer dan FTP		
24.	Imbasan Output format	TIFF,PDF,JPEG,PPTX		
25.	USB Thumbdrive	Dilengkapi sistem USB thumbdrive yang membolehkan dokumen di cetak/di imbas terus ke USB Thumbdrive.		
26.	Rangkaian Network (Network Printer/Scanner)	Mesin mestilah dapat disambungkan ke rangkaian network jabatan untuk kegunaan cetakan/imbasan		
27.	Kawalan Cetakan (Secure Print)	Boleh melakukan percetakan sulit beserta password.		
28.	Unlimited User License	Tiada Had untuk jumlah pengguna yang boleh melakukan percetakan.		
29.	Toner dan Alat Ganti	Dibekalkan oleh pihak syarikat sepanjang tempoh sewaan tanpa caj tambahan.		
30.	Penghantaran, Pemasangan dan Latihan	Penghantaran, Pemasangan dan Latihan adalah diberikan secara percuma. Latihan tambahan		

Deskripsi	Spesifikasi	Spesifikasi Mesin Yang Ditawarkan	
		Ya / Tidak	Catatan
	akan diberikan secara percuma jika diperlukan mengikut keadaan semasa.		
31.	Pemantauan Secara Online(Remote Care) Mestilah dilengkapi sistem pemantauan secara online yang dapat memantau:- <ul style="list-style-type: none"> • Keadaan Mesin • Toner • Bacaan meter 		
32.	Model dan negara pengeluar	Nyatakan model	
		Nyatakan negara pengeluar	

2. Mesin Penyalin Hitam Putih

Deskripsi	Spesifikasi	Spesifikasi Mesin Yang Ditawarkan	
		Ya / Tidak	Catatan
1.	Mesin Penyalin Pelbagai Fungsi Jenama : Model : Tahun pengeluaran :		
2.	Pelbagai fungsi Sistem serbaguna penuh digital :- <ul style="list-style-type: none"> • Salin 		

Deskripsi	Spesifikasi	Spesifikasi Mesin Yang Ditawarkan	
		Ya / Tidak	Catatan
	<ul style="list-style-type: none"> • Imbas • Cetak 		
3.	Keadaan Mesin	Mesin mestilah baru dan belum pernah digunakan	
4.	Sistem Memori	Tidak kurang dari 4GB	
5.	Kelajuan Cetakan	Kelajuan cetakan Saiz A4 sekurang-kurangnya : 50 helai seminit hingga 55 helai seminit	
6.	Kapasiti Hard Disk	Tidak kurang dari 250GB	
7.	Saiz kertas	Minimum A5 – A3	
8.	Kapasiti Dulang Standard (Paper Capacity)	Tidak kurang dari 500 helaian kertas A3-A4	
9.	Jumlah Dulang (Paper Tray)	Sekurang-kurangnya 2 dulang kertas (paper tray) tidak termasuk dulang pintasan.	
10.	Bypass Tray (Dulang Pintasan)	Sekurang-kurangnya 150 helai (A4- A3)	
11.	Kapasiti Dokumen feeder	Muatan tidak kurang dari 300 helai dokumen asal (A3-A4)	

	Deskripsi	Spesifikasi	Spesifikasi Mesin Yang Ditawarkan	
			Ya / Tidak	Catatan
12.	Keupayaan mencetak pelbagai Berat Kertas	Sekurang-kurangnya dalam lingkungan 60gsm – 220gsm		
13.	Auto Duplex	Disediakan		
14.	Resolusi Cetakan	Minima 600 X 600 dpi		
15.	Pengawalan Pengecilan/Pembesaran (Zoom Exposure)	Antara 25% - 400% dalam kadar 0.1% kenaikan.		
16.	Penyusunan Elektronik	Mestilah mampu melakukan tugas susunan(sorting)		
17.	Template (One Touch Program Button)	Kerja-kerja biasa digunakan boleh diprogram untuk digunakan melalui satu sentuhan sahaja.		
18.	Print On Demand (cetakan dapat dilakukan terus melalui telefon pintar dan gadget)	Dilengkapi sistem teknologi yang dapat melakukan cetakan terus melalui telefon pintar dan gadget pintar.		
19.	Masa Pemanasan (Warm-up Time)	Tidak melebihi 30 saat.		

Deskripsi		Spesifikasi	Spesifikasi Mesin Yang Ditawarkan	
			Ya / Tidak	Catatan
20.	Cetakan Pertama (first copy output time)	Tidak melebihi 5 Saat		
21.	Kelajuan Alat Pengimbas (Scanner)	Sekurang-kurangnya 200 image seminit		
22.	Imbasan berwarna	Full Colour Scanning		
23.	Keupayaan Pengimbas	Imbasan terus ke email, USB Devices, Komputer dan FTP		
24.	Imbasan Output format	TIFF,PDF,JPEG		
25.	USB Thumbdrive	Dilengkapi sistem USB thumbdrive yang membolehkan dokumen di cetak/di imbas terus ke USB Thumbdrive.		
26.	Rangkaian Network (Network Printer/Scanner)	Mesin mestilah dapat disambungkan ke rangkaian network jabatan untuk kegunaan cetakan/imbasan		
27.	Kawalan Cetakan (Secure Print)	Boleh melakukan percetakan sulit beserta password.		
28.	Unlimited User License	Tiada Had untuk jumlah pengguna yang boleh melakukan percetakan.		

Deskripsi		Spesifikasi	Spesifikasi Mesin Yang Ditawarkan	
			Ya / Tidak	Catatan
29.	Toner dan Alat Ganti	Dibekalkan oleh pihak syarikat sepanjang tempoh sewaan tanpa caj tambahan.		
30.	Penghantaran, Pemasangan dan Latihan	Penghantaran, Pemasangan dan Latihan adalah diberikan secara percuma. Latihan tambahan akan diberikan secara percuma jika diperlukan mengikut keadaan semasa.		
31.	Pemantauan Secara Online(Remote Care)	Mestilah dilengkapi sistem pemantauan secara online yang dapat memantau:- <ul style="list-style-type: none"> • Keadaan Mesin • Toner • Bacaan meter 		
32.	Model dan negara pengeluar	Nyatakan model		
		Nyatakan negara pengeluar		

3. Lokasi Mesin Penyalin

Jenis mesin penyalin	Kuantiti mesin penyalin	Lokasi mesin penyalin
Mesin penyalin digital berwarna	1	Bahagian Khidmat Pengurusan Dan Kewangan, Tingkat 57 KOTAR, 10000 Pulau Pinang
	1	Unit Maklumat Guna Tanah Negeri, Tingkat 54 KOMTAR, 10000 Pulau Pinang
Mesin penyalin digital hitam putih	2	Bahagian Perancangan Korporat dan Lembaga Rayuan, Tingkat 57 KOTAR, 10000 Pulau Pinang

Nama : _____

Jawatan :

Tarikh

- FORMAT KONTRAK -

**PERJANJIAN PERKHIDMATAN PENYEWAAN,
PEMBEKALAN, PENGHANTARAN DAN
PENYELENGGARAAN EMPAT (4) UNIT MESIN
PENYALIN DIGITAL UNTUK JABATAN PERANCANG
BANDAR DAN DESA NEGERI PULAU PINANG BAGI
TEMPOH TIGA PULUH ENAM (36) BULAN BERMULA 1
OKTOBER 2020 SEHINGGA 30 SEPTEMBER 2023.**

ANTARA

**KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG
,
(JABATAN PERANCANG BANDAR DAN DESA
NEGERI PULAU PINANG)**

DAN

SYARIKAT XXX

Perjanjian ini dibuat pada

ANTARA

KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG yang bagi tujuan Perjanjian ini diwakili oleh Jabatan Perancang Bandar Dan Desa Negeri Pulau Pinang, yang beralamat di Paras 57, KOMTAR, 10000 Pulau Pinang (kemudian daripada ini disebut sebagai “Kerajaan Negeri”) di satu pihak;

DENGAN

SYARIKAT (No. Syarikat :) sebuah syarikat yang diperbadankan dan didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 1965 [Akta 125] dan mempunyai alamat berdaftaranya di (kemudian daripada ini disebut sebagai ‘Kontraktor’) di pihak yang satu lagi,

(Kerajaan Negeri dan Kontraktor boleh dirujuk secara berasingan sebagai “Pihak” atau bersesama sebagai “Pihak-Pihak”).

BAHAWASANYA –

- A. Kerajaan Negeri berhasrat untuk melantik Kontraktor bagi maksud Penyewaan Peralatan Mesin Penyalin sebagaimana diperihalkan dalam **LAMPIRAN 1** (kemudian daripada ini disebut “Peralatan”) dan menyediakan Khidmat Penyelenggaraan.
- B. Kontraktor bersetuju untuk menyewakan Peralatan dan menyediakan Khidmat Penyelenggaraan melalui surat setuju terima bertarikh yang ditandatangani pada dan Kerajaan Negeri bersetuju untuk menerima Peralatan dan Khidmat Penyelenggaraan yang dibekalkan oleh Kontraktor mengikut terma-terma dan syarat-syarat Perjanjian ini.

MAKA ADALAH DENGAN INI PIHAK-PIHAK BERSETUJU SEPERTI BERIKUT:

1. TAKRIF

Bagi maksud Perjanjian ini, melainkan jika konteksnya mengkehendaki maksud yang lain:

“Khidmat Penyelenggaraan”	bermaksud kerja-kerja penyelenggaraan, pembaikan dan penggantian mana-mana bahagian atau alat ganti yang rosak agar Peralatan tersebut dapat beroperasi dengan baik dan memuaskan hati Kerajaan Negeri tanpa mengenakan sebarang caj tambahan kepada Kerajaan Negeri dan membekalkan peralatan guna habis (consumables) seperti <i>toner, drum, roller</i> , pencuci, bahan kimia dan bahan-bahan lain yang dibekalkan oleh Kontraktor dan lain-lain secara percuma kepada Kerajaan Negeri;
“Peralatan”	bermaksud empat (4) unit mesin penyalin digital seperti spesifikasi yang ternyata di LAMPIRAN 1 ;
“Premis”	bermaksud Jabatan Perancang Bandar Dan Desa Negeri Pulau Pinang yang beralamat di Paras 57, KOMTAR, 10000 Pulau Pinang;
“Sewa”	bermaksud sewa bulanan yang mesti dibayar oleh Kerajaan Negeri kepada Kontraktor dalam Tempoh Penyewaan;
“Tempoh Penyewaan”	bermaksud tempoh yang dinyatakan dalam Klausula 4 Perjanjian ini; dan

“Waktu Bekerja” bermaksud waktu pejabat Kerajaan Negeri iaitu:
(a) mulai 7.30 pagi hingga 5.30 petang pada hari Isnin - Jumaat; dan
(b) tidak termasuk hari cuti umum dan cuti am bagi Kerajaan Negeri.

2. SKOP PERJANJIAN

Kontraktor bersetuju menyediakan Peralatan dan Khidmat Penyelenggaraan mengikut spesifikasi yang dinyatakan dalam **LAMPIRAN 1** dan Kerajaan Negeri bersetuju menerima penyewaan Peralatan tersebut tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang terkandung dalam Perjanjian ini.

3. SPESIFIKASI PERALATAN

3.1 Spesifikasi Peralatan adalah seperti diperihalkan di **LAMPIRAN 1**.

3.2 Mana-mana perubahan atau pindaan ke atas spesifikasi Peralatan hendaklah dibuat secara persetujuan bersama antara Pihak-Pihak.

4. TEMPOH PENYEWaan

4.1 Perjanjian ini hendaklah berkuat kuasa selama Tiga Puluh Enam (36) bulan mulai **1 OKTOBER 2020** sehingga **30 SEPTEMBER 2023** (selepas ini disebut “Tempoh Penyewaan”).

4.2 Pihak-Pihak boleh memohon untuk melanjutkan Tempoh Penyewaan dengan mengemukakan permohonan secara bertulis selewat-lewatnya tiga puluh (30) hari sebelum tamat Tempoh Penyewaan ini seperti yang diperuntukkan dalam Klausula 4.1 tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang dipersetujui oleh Pihak-Pihak.

5. NILAI SEWAAN DAN BAYARAN

- 5.1 Kerajaan Negeri hendaklah di sepanjang Tempoh Penyewaan, membayar kepada Kontraktor seperti berikut:
- (a) bayaran sewa sebanyak Ringgit Malaysia (RM.....) sahaja iaitu berdasarkan pengiraan sewa Peralatan sebanyak RM..... X 2 unit dan RM.....X 2 unit pada setiap bulan dan;
 - (b) bayaran cetakan sesalinan iaitu RM..... cetakan hitam putih dan RM..... cetakan warna mengikut bacaan meter pada Peralatan setiap bulan sepanjang tempoh Penyewaan yang perlu dibayar kepada Kontraktor.
- 5.2 Tertakluk kepada penerimaan oleh Kerajaan Negeri sesalinan invois bulanan yang lengkap daripada Kontraktor bagi setiap pembayaran, bayaran sewa seperti di Klausu 5.1 hendaklah dibuat dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas penerimaan invois bulanan tersebut oleh Kerajaan Negeri.
- 5.3 Caj sesalinan tidak akan dikenakan bagi salinan-salinan yang rosak berpunca daripada kerosakan Peralatan yang bukan disebabkan oleh kecuaiian, kelalaian atau tindakan sengaja Kerajaan Negeri atau kakitangannya. Kerajaan Negeri hendaklah menyimpan salinan-salinan yang rosak untuk tempoh satu (1) bulan bagi tujuan penyemakan oleh Kontraktor, sekiranya dikehendaki. Kontraktor hendaklah merekodkan jumlah salinan yang rosak ke dalam buku log Khidmat Penyelenggaraan dan membuat tolakan kepada bayaran seperti dinyatakan dalam Klausu 5.1 (b).
- 5.4 Kontraktor hendaklah mengemukakan salinan invois yang mengambil kira pulangan rebet kepada Kerajaan Negeri seperti dalam Klausu 5.1 (b) dan salinan yang rosak dalam Klausu 5.3 bagi setiap pembayaran kepada:

Jabatan Perancang Bandar Dan Desa Negeri Pulau Pinang
Paras 57 KOMTAR
10000 Pulau Pinang

- 5.5 Sebarang isu yang timbul antara Kontraktor dengan mana-mana pihak ketiga mengenai bayaran Peralatan, Khidmat Penyelenggaraan dan Sewa dalam Perjanjian ini adalah di luar tanggungjawab Kerajaan Negeri.

6. REPRESENTASI DAN WARANTI

Kontraktor dengan ini membuat representasi dan waranti kepada Kerajaan Negeri bahawa:

- (a) ia adalah sebuah Kontraktor yang berdaftar di bawah undang-undang Malaysia;
- (b) ia mempunyai kuasa untuk memasuki dan melaksanakan tanggungjawab serta urusan di bawah Perjanjian ini;
- (c) ia telah mengambil segala langkah-langkah yang perlu bagi memasuki dan melaksanakan tanggungjawab serta urusan di bawah Perjanjian ini;
- (d) pada pelaksanaan Perjanjian ini, pelaksanaan Perjanjian ini tidak menyalahi sebarang peruntukan sama ada dalam:
 - (i) Memorandum dan Artikel Persatuannya; atau
 - (ii) mana-mana dokumen atau perjanjian yang mengikatnya atau asetnya;
- (e) Ia adalah sebuah Kontraktor yang berdaftar pada setiap masa dengan Kementerian Kewangan melainkan diberikan pengecualian secara bertulis oleh Kerajaan Negeri; dan
- (f) tiada sebarang litigasi, tuntutan cukai, timbang tara, pertikaian atau prosiding yang sedang atau akan berlangsung yang pada pengetahuannya akan

memberi kesan negatif terhadap keupayaan kewangan atau tanggungjawabnya di bawah Perjanjian ini,

dan Kontraktor mengambil maklum bahawa Kerajaan Negeri telah memasuki Perjanjian ini berdasarkan representasi dan waranti di atas.

7. PENGHANTARAN, TEMPAT PEMASANGAN DAN PEMERIKSAAN PERALATAN

- 7.1 Kontraktor hendaklah memastikan bahawa Peralatan dihantar ke tempat pemasangan di Premis pada atau sebelum tarikh sebenar penghantaran perlu dibuat. Kontraktor juga hendaklah menghantar dan memasang Peralatan tersebut sehingga ianya dalam keadaan boleh digunakan dan beroperasi dengan baik.
- 7.2 Kontraktor hendaklah memaklumkan kepada Kerajaan Negeri dua (2) hari sebelum Peralatan tersebut dihantar bagi tujuan menyediakan tempat pemasangan dan segala kos penyediaan tempat pemasangan hendaklah ditanggung oleh Kerajaan Negeri.
- 7.3 Jika berlaku kelewatan dalam menyediakan tempat pemasangan tersebut, Kerajaan Negeri hendaklah memberitahu Kontraktor terlebih dahulu agar tarikh penghantaran tersebut dapat diubah kepada masa yang lebih sesuai.
- 7.4 Kerajaan Negeri hendaklah memaklumkan kepada Kontraktor jika berlaku sebarang perubahan tempat Peralatan diletakkan. Kontraktor hendaklah menanggung segala kos pemasangan dan penghantaran Peralatan termasuk apa-apa kerosakan atau kecacatan sekiranya berlaku di tempat di mana Peralatan ditempatkan.
- 7.5 Kerajaan Negeri hendaklah memeriksa Peralatan semasa penghantaran Peralatan dibuat kepadanya. Tertakluk kepada Klausula 8, Kerajaan Negeri adalah dianggap telah memeriksa Peralatan dan berpuas hati dengan keadaan Peralatan apabila Kontraktor tidak menerima apa-apa notis bertulis daripada Kerajaan Negeri tentang ketidakpuasan hatinya terhadap Peralatan

dalam masa tujuh (7) hari dari tarikh pemasangan Peralatan, kecuali apa-apa kerosakan atau kecacatan yang tidak dapat dikesan oleh Kerajaan Negeri dalam pemeriksaan yang patut.

7.6 TEMPAT PEMASANGAN

7.6.1 Bagi mesin penyalin bewarna:

- a) 1 unit ditempatkan di Bahagian Khidmat Pengurusan dan Kewangan, Jabatan Perancang Bandar Dan Desa Negeri Pulau Pinang, Paras 57 KOMTAR, 10000 Pulau Pinang; dan
- b) 1 unit ditempatkan di Unit Maklumat Guna Tanah Negeri, Jabatan Perancang Bandar Dan Desa Negeri Pulau Pinang, Paras 54 KOMTAR, 10000 Pulau Pinang.

7.6.2 Bagi mesin penyalin hitam putih:

- a) 2 unit ditempatkan di Bahagian Perancangan Korporat dan Lembaga Rayuan, Jabatan Perancang Bandar Dan Desa Negeri Pulau Pinang, Paras 57 KOMTAR, 10000 Pulau Pinang.

8. PENERIMAAN PERALATAN

8.1 Walaupun setelah menerima Peralatan daripada Kontraktor, Kerajaan Negeri sentiasa berhak menolak penerimaan Peralatan jika Peralatan tidak menepati spesifikasi atau syarat-syarat yang ditentukan dalam Perjanjian ini.

8.2 Jika dalam Tempoh Penyewaan, Peralatan didapati rosak atau tidak dapat digunakan untuk tujuan ia disewa dan kerosakan tersebut bukan berpunca daripada kecuaiian, kelalaian atau tindakan sengaja Kerajaan Negeri atau kakitangannya, Kontraktor hendaklah menyelenggara dan membaiki Peralatan itu tanpa sebarang kos kepada Kerajaan Negeri mengikut tempoh masa yang ditetapkan.

8.3 Jika dalam Tempoh Penyewaan, Peralatan didapati tidak memuaskan dan Kerajaan Negeri tidak dapat menggunakan Peralatan untuk tujuan ia disewa dan Kontraktor tidak mengambil apa-apa tindakan untuk menyelenggara atau membaiki Peralatan tersebut dalam tempoh masa tiga (3) hari Waktu Bekerja daripada tarikh aduan dibuat, Kerajaan Negeri berhak:

(a) menolak Peralatan tersebut dan Kontraktor dikehendaki menggantikannya dengan peralatan baru yang sama kapasitinya tanpa apa-apa bayaran tambahan dan Perjanjian ini hendaklah terus berkuatkuasa untuk baki Tempoh Penyewaan; atau

(b) menamatkan Perjanjian ini di bawah Klausula 14.1.1 dan 14.1.2.

8.4 Dalam keadaan berlaku kerosakan ke atas Peralatan yang tidak boleh diperbaiki di Premis, maka Kontraktor bolehlah, tertakluk kepada kebenaran bertulis Kerajaan Negeri terlebih dahulu, mengalihkan Peralatan ke suatu tempat kerja yang lebih bersesuaian bagi membolehkan kerja penyelenggaraan dan pembaikan ke atas kerosakan tersebut dijalankan dengan sempurna. Bagi maksud ini, Kontraktor hendaklah memastikan suatu peralatan alternatif yang sama kapasitinya dibekalkan kepada Kerajaan Negeri sebagai gantian sementara kerja pembaikan tersebut dijalankan tanpa sebarang bayaran kos tambahan kepada Kerajaan Negeri.

8.5 Jika Kontraktor didapati masih gagal untuk memperbaiki kerosakan ke atas Peralatan tersebut atau jika telah diperbaiki telah gagal untuk mengembalikan Peralatan dalam masa tiga puluh (30) hari dikira dari tarikh Peralatan tersebut dialihkan dari Premis, maka Kontraktor hendaklah menggantikannya dengan Peralatan yang baru tanpa sebarang kos tambahan kepada Kerajaan Negeri.

9. OBLIGASI KERAJAAN NEGERI

Kerajaan Negeri berwaad kepada Kontraktor bahawa sepanjang Tempoh Penyewaan, Kerajaan Negeri hendaklah:

- (a) Memastikan ruangan pemasangan, jalan laluan dan mata elektrik adalah bersesuaian untuk kerja-kerja pemasangan Peralatan;
- (b) Tertakluk kepada pematuhan Kontraktor terhadap terma-terma Perjanjian ini, membayar sewa tepat pada waktunya dan semua bayaran lain seperti mana diperuntukkan dalam Klausula 5 Perjanjian ini;
- (c) Membenarkan Kontraktor dan mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Kontraktor, pada setiap masa yang sesuai dan setelah notis bertulis yang munasabah diberi terlebih dahulu untuk masuk ke dalam Premis bagi maksud memeriksa keadaan Peralatan dan menjalankan Khidmat Penyelenggaraan, pembaikan dan penggantian Peralatan atau mana-mana bahagian daripadanya;
- (d) Menjaga dan memastikan bahawa Peralatan berada dalam milik Kerajaan Negeri sepanjang Tempoh Penyewaan serta tidak memindah Peralatan atau mana-mana bahagian daripadanya dari Premis tanpa terlebih dahulu mendapat persetujuan bertulis dari Kontraktor dan persetujuan itu tidak boleh ditahan dengan tidak munasabahnya;
- (e) Tidak menyebabkan atau membenarkan Peralatan dipasang atau dilekatkan pada Premis sebagai lekapan;
- (f) Membayar ganti rugi kepada Kontraktor atas segala kehilangan atau kerosakan yang berlaku terhadap Peralatan atau mana-mana bahagian daripadanya sekiranya kehilangan atau kerosakan tersebut disebabkan oleh kecuaiian, kelalaian atau tindakan sengaja oleh Kerajaan Negeri atau kakitangannya;
- (g) Membayar semua kos pembaikan yang dilakukan dan alat-alat ganti yang dibekalkan kepada Peralatan jika pembaikan dan penggantian berpunca daripada kecuaiian, kelalaian atau tindakan sengaja Kerajaan Negeri atau kakitangannya;

- (h) Jika Kerajaan Negeri memerlukan Khidmat Penyelenggaraan di luar Waktu Bekerja ("Khidmat Penyelenggaraan Tambahan"), Kerajaan Negeri hendaklah membayar Khidmat Penyelenggaraan Tambahan tersebut kepada Kontraktor pada kadar yang dipersetujui oleh Pihak-Pihak;
- (i) Hanya menggunakan alat-alat ganti dan bekalan bahan yang berkaitan dengan dan menjadi pelengkap kepada Peralatan dan bahan-bahan lain yang dibekalkan Kontraktor ;
- (j) Memastikan Peralatan bebas daripada sebarang pelaksanaan distress atau proses undang-undang yang lain;
- (k) Memberitahu Kontraktor tentang sebarang perubahan alamat Kerajaan Negeri atau sebarang perubahan kepada tempat Peralatan hendak ditempatkan;
- (l) Tidak menjual, menyerahkan hak, menyewa, menggadai janji, menyandar atau melepaskan milik Peralatan atau mana-mana bahagian daripadanya tanpa terlebih dahulu mendapat persetujuan bertulis daripada Kontraktor; dan
- (m) Mengelak daripada membaiki, menyenggara atau dengan apa-apa cara lain mengusik Peralatan atau menghapuskan plat nama Kontraktor pada Peralatan.

10. OBLIGASI KONTRAKTOR

Kontraktor dengan ini berwaad kepada Kerajaan Negeri bahawa sepanjang Tempoh Penyewaan, Kontraktor hendaklah:

- (a) Memberi jaminan bahawa Peralatan yang dibekalkan di bawah Perjanjian ini adalah produk keluaran semasa, baru, tulen dan belum pernah digunakan kecuali bagi maksud ujian mutu dan berada dalam keadaan baik dan bebas daripada sebarang kerosakan dan kecacatan dari segi pembuatan dan reka bentuk dengan syarat Peralatan tersebut tidak diubah suai oleh Kerajaan Negeri tanpa memberikan sebarang notis kepada Kontraktor;

- (b) Bertanggungjawab sepenuhnya terhadap semua kos dan perbelanjaan menyediakan perkhidmatan dan penyelenggaraan di bawah Perjanjian ini;
- (c) Menghantar dan memasang Peralatan di Premis dengan syarat Peralatan yang dipasang dan dihantar hendaklah baru dan dalam keadaan yang sangat baik;
- (d) Membenarkan Kerajaan Negeri yang telah dengan sewajarnya membayar sewa dan melaksanakan serta mematuhi obligasinya yang terkandung dalam Perjanjian ini supaya memegang dan menggunakan secara aman dan tenteram Peralatan sepanjang Tempoh Penyewaan tanpa gangguan atau kekacauan oleh Kontraktor atau mana-mana orang yang menuntut secara sah melalui, di bawah atau sebagai amanah bagi Kontraktor;
- (e) Memastikan bahawa Peralatan berada dalam keadaan yang sangat baik dan untuk tujuan ini, Kontraktor hendaklah menyediakan Khidmat Penyelenggaraan sekurang-kurangnya satu (1) kali sebulan seperti memeriksa, servis dan membaiki tanpa mengenakan apa-apa caj kepada Kerajaan Negeri yang hendaklah dibuat dalam Waktu Bekerja atau mengikut aturan sepertimana yang dipersetujui bersama oleh Kontraktor dan Kerajaan Negeri;
- (f) Membekalkan alat-alat ganti yang tulen dan setaraf tanpa apa-apa kos kepada Kerajaan Negeri dengan syarat Khidmat Penyelenggaraan tersebut bukan disebabkan oleh kecuaiian atau tindakan sengaja Kerajaan Negeri. Apa-apa perkhidmatan dijalankan oleh Kontraktor hendaklah dilakukan dalam tempoh Waktu Bekerja dan jika perlu pada bila-bila masa yang dipersetujui bersama oleh Kontraktor dan Kerajaan Negeri;
- (g) Bertindak kepada aduan kerosakan oleh Kerajaan Negeri di mana "*Response Time*" oleh Kontraktor untuk memberi Khidmat Penyelenggaraan, dalam masa 2 hingga 3 jam Waktu Bekerja, dikira dari waktu panggilan, dengan syarat panggilan dibuat sebelum jam 3.00 petang pada hari yang sama. Jika

panggilan diterima selepas waktu tersebut, Khidmat Penyelenggaraan, akan dibuat sebelum jam 12.00 tengahari pada keesokan harinya;

- (h) Memberi jaminan bahawa pelaksanaan Khidmat Penyelenggaraan ke atas Peralatan tersebut akan berjalan dengan sempurna dan dijamin daripada apa-apa kekurangan, kesilapan dan kecacatan dari segi bahan dan kemahiran tenaga kerja;
- (i) Menghantar juruteknik yang berkelayakan dan berkemahiran untuk memeriksa, menyelaraskan dan menyelenggara Peralatan;
- (j) Menginsurankan Peralatan dan terus menginsurankan Peralatan tersebut daripada kehilangan atau kerosakan akibat kemalangan, kebakaran dan kecuaiian pada nilai penggantian penuh dengan syarikat insurans yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri di bawah polisi insurans yang komprehensif;
- (k) Menanggung rugi Kerajaan Negeri atas apa-apa kerosakan yang berlaku ke atas Peralatan yang berpunca daripada kelalaian, kecuaiian atau perbuatan sengaja oleh Kontraktor, pekerjaannya, agen-agennya atau mana-mana pihak yang bertindak bagi pihaknya;
- (l) Tidak boleh menzahirkan kepada mana-mana orang atau mana-mana pihak apa-apa maklumat yang ditemui atau yang dizahirkannya kepadanya bagi maksud pelaksanaan Perjanjian ini antara Pihak-Pihak. Klausula ini hendaklah terus berkuat kuasa walaupun selepas Perjanjian ini ditamatkan;
- (m) Membekalkan secara percuma segala peralatan guna habis (*consumables*) seperti *toner, drum, roller*, pencuci, bahan kimia, bahan-bahan lain dan sebagainya sepanjang Tempoh Penyewaan ini tetapi tidak termasuk bekalan kertas; dan
- (n) Menyedia dan menyelenggarakan buku log Khidmat Penyelenggaraan bagi setiap pembaikan, penyelenggaraan, penggantian alat ganti dan sebagainya, di mana setiap kali perkhidmatan tersebut dilaksanakan, buku log tersebut

hendaklah ditandatangani oleh wakil Pihak-Pihak dan mengemukakan kepada Kerajaan Negeri apabila diminta dari semasa ke semasa.

11. HAK MILIK PERALATAN

Hak milik ke atas Peralatan adalah terletak pada Kontraktor dan akan kekal sepanjang tempoh kuat kuasanya Perjanjian ini. Selepas tamat Tempoh Penyewaan, Peralatan tersebut akan diambil semula oleh Kontraktor tanpa sebarang kos kepada Kerajaan Negeri.

12. PENYELENGGARAAN DAN PEMBAIKAN KEROSAKAN OLEH KONTRAKTOR

12.1 Dalam keadaan berlaku kerosakan ke atas Peralatan, Kerajaan Negeri hendaklah segera memaklumkan kepada Kontraktor secara bertulis dan Kontraktor hendaklah tanpa lengah melihat kerosakan tersebut dan membaikinya.

12.2 Dalam keadaan berlaku kerosakan ke atas Peralatan yang tidak boleh diperbaiki di Premis, maka Kontraktor bolehlah tertakluk kepada kebenaran bertulis Kerajaan Negeri terlebih dahulu, mengalihkan Peralatan di suatu tempat kerja yang lebih bersesuaian bagi membolehkan kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan ke atas kerosakan tersebut dijalankan dengan sempurna. Bagi maksud ini, Kontraktor hendaklah memastikan suatu peralatan alternatif yang sama kapasitinya dibekalkan kepada Kerajaan Negeri sebagai gantian semasa kerja pembaikan tersebut dijalankan tanpa sebarang kos kepada Kerajaan Negeri.

12.3 Jika Kontraktor didapati masih gagal untuk memperbaiki kerosakan ke atas Peralatan atau jika diperbaiki telah gagal untuk mengembalikan peralatan dalam masa satu (1) minggu dikira dan tarikh bermulanya kerja pembaikan, maka adalah menjadi tanggungjawab Kontraktor untuk menggantikan dengan Peralatan yang baru.

13. KENAAN DENDA/ TOLAKAN/ LIQUIDATED & ASCERTAINED DAMAGES (LAD)

13.1 Jika kontraktor lewat menyerahkan peralatan dalam tempoh masa yang ditetapkan, Kerajaan Negeri boleh menerima peralatan tersebut dan mengenakan bayaran berdenda kepada syarikat sehingga peralatan tersebut sedia untuk digunakan di premis yang ditentukan oleh Kerajaan Negeri seperti formula denda berikut:

$$A \times B \times C \times 22.5\%$$

A : Nilai sewaan peralatan sebulan.

B : Bilangan hari yang lewat.

C : Bilangan peralatan.

13.2 Setelah penerimaan peralatan sempurna dalam tempoh sewaan, Kerajaan Negeri berhak mengenakan denda sebanyak 22.5% daripada nilai kontrak Sewa Peralatan bagi setiap satu hari Kerajaan Negeri tidak dapat menggunakan peralatan untuk tujuan disewa seperti formula denda berikut:

$$(0.225/A \times \text{Harga Kontrak})$$

A : Tempoh kontrak (bilangan hari)

14. PENAMATAN

14.1 Penamatan oleh Kerajaan Negeri

Kemungkiran oleh Kontraktor

14.1.1 Sekiranya Kontraktor didapati gagal atau mungkir untuk mematuhi mana-mana terma dan syarat Perjanjian ini, maka Kerajaan Negeri boleh menyampaikan notis kepada Kontraktor untuk memulihkan pelanggaran tersebut dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh notis tersebut.

14.1.2 Setelah tamat tempoh yang dinyatakan dalam notis tersebut, dan pelanggaran yang diadukan itu tidak dipulihkan, maka Kerajaan

Negeri boleh memberi notis bertulis selama empat belas (14) hari kepada Kontraktor untuk menamatkan Perjanjian ini.

Penamatan Am

14.1.3 Kerajaan Negeri berhak menamatkan Perjanjian dengan serta merta dengan memberi notis bertulis kepada Kontraktor, sekiranya Kontraktor membuat suatu penyelesaian atau perkiraan dengan atau bagi faedah pemiutang atau membuat sesuatu pindahhak atau serahhak bagi faedah pemiutang atau meluluskan suatu ketetapan, atau Mahkamah membuat suatu perintah bahawa Kontraktor digulung (bukan suatu penggulungan anggota bagi maksud penyusunan atau penyatuan) atau jika timbul keadaan-keadaan yang memberi hak kepada Mahkamah membuat sesuatu perintah penggulungan.

Penamatan Dengan Notis

14.1.4 Kerajaan Negeri boleh, pada bila-bila masa sepanjang Tempoh Penyewaan dan tanpa perlu memberi apa-apa sebab, menamatkan Perjanjian ini dengan syarat sekurang-kurangnya satu (1) bulan notis secara bertulis diberikan kepada Kontraktor.

Penamatan Kerana Rasuah, Aktivit-Aktiviti Yang Tidak Sah atau Menyalahi Undang-Undang

14.1.5 Tanpa menyentuh apa-apa hak lain, jika Kerajaan Negeri berpuas hati bahawa Kontraktor terlibat dalam rasuah, aktiviti yang menyalahi undang-undang berkaitan dengan Perjanjian ini atau mana-mana kontrak lain yang dimasuki oleh Kontraktor dengan Kerajaan Negeri, Kerajaan Negeri berhak untuk menamatkan Perjanjian ini pada bila-bila masa dengan memberikan notis secara bertulis bagi tujuan tersebut.

14.2 Kesan Penamatan oleh Kerajaan Negeri

14.2.1 Semua hak dan obligasi Kontraktor di bawah Perjanjian ini hendaklah ditamatkan dengan serta merta;

14.2.2 Kontraktor hendaklah mengemukakan laporan dan dokumen lengkap Perkhidmatan Penyewaan Peralatan dan Khidmat Penyelenggaraan yang dilaksanakan olehnya setakat tarikh sebelum Perjanjian ditamatkan bagi tujuan bayaran Sewa; dan

14.2.3 Kerajaan Negeri tidak akan menanggung apa-apa kerugian yang ditanggung oleh Kontraktor akibat dari penamatan Perjanjian ini.

14.3 Penamatan oleh Kontraktor

14.3.1 Sekiranya Kerajaan Negeri gagal untuk mematuhi mana-mana terma dan syarat Perjanjian ini, maka Kontraktor boleh menyampaikan notis kepada Kerajaan Negeri untuk meremedikan pelanggaran tersebut dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh notis tersebut.

14.3.2 Setelah tamat tempoh yang dinyatakan dalam notis tersebut dan pelanggaran yang diadukan itu tidak diremedikan, maka Kontraktor boleh memberi notis bertulis selama tiga puluh (30) hari kepada Kerajaan Negeri untuk menamatkan Perjanjian ini.

14.4 Kesan Penamatan Oleh Kontraktor

Sekiranya Perjanjian ini ditamatkan mengikut Klausula 14.3, Kontraktor bersetuju untuk menerima bayaran berikut oleh Kerajaan Negeri sebagai penyelesaian penuh dan muktamad bagi apa-apa bayaran yang berbangkit berhubung dengan pelaksanaan Perjanjian ini-

(a) Kerajaan Negeri hendaklah membayar kepada Kontraktor apa-apa bayaran yang terhutang dan perlu dibayar kepada Kontraktor setakat tarikh sebelum Perjanjian ditamatkan; dan

(b) Kontraktor hendaklah menamatkan perkhidmatan penyewaan Peralatan dan Khidmat Penyelenggaraan dengan serta merta.

15. **FORCE MAJEURE**

15.1 Pihak-Pihak adalah tidak bertanggungjawab bagi sebarang kerugian, ketinggalan atau kegagalan dalam menjalankan Perjanjian ini, jika kerugian, ketinggalan atau kegagalan tersebut timbul akibat daripada keadaan-keadaan *Force Majeure*. Dalam keadaan ini, yang menyebabkan mana-mana Pihak tidak dapat menyempurnakan Perjanjian ini, Perjanjian ini boleh ditamatkan dengan persetujuan Pihak-Pihak tanpa apa-apa pampasan. Keadaan-Keadaan *Force Majeure* hendaklah bermaksud:

- (a) Peperangan (sama ada ia diisytiharkan atau tidak), pertempuran, penaklukan atau tindakan oleh musuh-musuh asing;
- (b) Pemberontakan, revolusi, rampasan kuasa, perang saudara atau tindakan pengganas;
- (c) Bencana alam termasuk tetapi tidak terhad kepada gempa bumi, banjir, kebakaran spontan bawah tanah, ombak besar atau apa-apa bencana alam yang secara munasabahnyanya seseorang yang berpengalaman tidak dijangka dapat mengambil langkah berjaga-jaga;
- (d) Letupan nuklear, pencemaran radioaktif atau bahan kimia atau radiasi;
- (e) Tekanan gelombang yang disebabkan oleh kapal terbang atau apa-apa peranti aerial yang bergerak dalam kelajuan sonik atau supersonik;
- (f) Rusuhan, kekecohan atau kekacauan awam; atau
- (g) sebab-sebab atau bahaya-bahaya yang lain yang di luar kawalan mana-mana Pihak.

15.2 Walau apa pun Klausula 15.2, Keadaan-Keadaan *Force Majeure* tidak termasuk kegawatan ekonomi atau ketidakupayaan Kontraktor mendapatkan pembiayaan bagi maksud melaksanakan obligasi-obligasi Kontraktor di bawah Perjanjian ini.

- 15.3 Jika keadaan-keadaan *Force Majeure* berlaku yang menyebabkan mana-mana Pihak tidak dapat melaksanakan apa-apa obligasinya di bawah Perjanjian ini (atau mana-mana bahagian daripadanya) yang terjejas akibat daripada Keadaan-Keadaan *Force Majeure* tersebut, Pihak tersebut hendaklah dengan serta-merta memaklumkan akan Keadaan-Keadaan *Force Majeure* tersebut kepada Pihak yang satu lagi dan diikuti dengan butir-butir terperinci mengenai Keadaan-Keadaan *Force Majeure* dan kesannya kepada pelaksanaan Perjanjian ini.
- 15.4 Mana-mana Pihak tidak boleh menggunakan mana-mana peruntukan dalam klausa ini jika Pihak-Pihak telah memutuskan secara munasabah bahawa satu Keadaan-Keadaan *Force Majeure* tidak berlaku
- 15.5 Kerajaan Negeri dan Kontraktor juga hendaklah membuktikan bahawa Keadaan-Keadaan *Force Majeure* benar-benar berlaku sebelum melepaskan tanggungjawab mengikut Klausa 15.1.
- 15.6 Jika Perjanjian ini ditamatkan di bawah Klausa 15.1, semua hak dan obligasi Pihak-Pihak di bawah Perjanjian ini hendaklah terhenti dan mana-mana Pihak tidak boleh membuat apa-apa tuntutan terhadap Pihak yang satu lagimelainkan berkaitan apa-apa hak dan liabiliti yang terakru sebelum berlakunya Keadaan-Keadaan *Force Majeure* tersebut.
- 15.7 Bagi mengelakkan sebarang keraguan, Pihak-Pihak kepada Perjanjian ini hendaklah terus melaksanakan obligasi dan tanggungjawab mereka di bawah Perjanjian ini yang tidak terjejas akibat daripada Keadaan-Keadaan *Force Majeure* dan obligasi berkenaan hendaklah terus berkuatkuasa sementara menunggu pelaksanaan peruntukan klausa ini.

16. PENYELESAIAN PERTIKAIAN

- 16.1 Jika apa-apa pertikaian, perbezaan, perkara atau tuntutan yang berbangkit daripada atau berhubung dengan Perjanjian ini, atau pelanggaran atau

penamatannya, tidak dipersetujui oleh Pihak-Pihak kepada Perjanjian ini, maka pertikaian, perbezaan, perkara atau tuntutan itu hendaklah diselesaikan secara aman oleh Pihak-Pihak kepada Perjanjian ini..

16.2 Walau apa pun Klausu 16.1, sekiranya pertikaian, perbezaan, perkara atau tuntutan yang berbangkit daripada atau berhubung dengan Perjanjian ini atau pelanggaran atau penamatannya gagal diselesaikan secara aman, Pihak-Pihak kepada Perjanjian ini boleh merujuk pertikaian itu kepada mana-mana kaedah undang-undang yang dipersetujui oleh Pihak-Pihak atau mahkamah.

17. PERUNTUKAN AM

17.1 NOTIS

17.1.1 Apa-apa notis, kelulusan, kebenaran, permohonan, persetujuan atau apa-apa komunikasi lain yang dikehendaki atau dibenarkan untuk diberi atau dibuat di bawah Perjanjian ini hendaklah dibuat secara bertulis dalam bahasa Kebangsaan dan hendaklah dihantar melalui pos berdaftar, faksimili atau serahan kediri ke alamat atau nombor faksimili Pihak yang satu lagi seperti yang diperihalkan dalam Klausu ini atau pun lain-lain alamat atau nombor faksimili sebagaimana yang akan dimaklumkan secara bertulis oleh Pihak yang berkenaan dari semasa ke semasa dan hendaklah, kecuali diperuntukkan sebaliknya, dianggap telah diterima atau dibuat, jika dihantar secara serahan sendiri atau melalui faksimili, apabila telah diterima oleh Pihak yang satu lagi ke alamat atau nombor faksimili sebagaimana yang telah disahkan seperti berikut:

(a) **Bagi pihak Kerajaan Negeri:**

Alamat : Jabatan Perancang Bandar Dan Desa
Negeri Pulau Pinang
Paras 57 KOMTAR
10000 Pulau Pinang.

No Telefon : 04 - 650 5276

No. Faksimili : 04 - 263 7580

(b) **Bagi pihak Kontraktor**

Alamat :
.....
.....
.....
.....

No. Telefon :

No. Faksimili :

17.1.2 Pihak-Pihak hendaklah memberi notis bertulis dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh pertukaran alamat atau entiti kepada Pihak yang satu lagi sekiranya berlaku pertukaran alamat atau entiti.

17.2 PENGETEPIAN HAK

Kegagalan Kerajaan Negeri atau Kontraktor menjalankan atau melaksanakan mana-mana hak, remedy atau peruntukan di bawah Perjanjian ini pada bila-bila masa, tidak akan terjumlah kepada suatu pengetepian hak, melainkan ianya telah dibuat secara bertulis dan ditandatangani oleh Kerajaan Negeri atau Kontraktor atau seseorang yang diberi kuasa secara nyata oleh Kerajaan Negeri atau Kontraktor untuk tujuan tersebut terlebih dahulu.

17.3 KONTRAK KECIL

17.3.1 Kontraktor tidak boleh memberi kontrak kecil terhadap Perjanjian ini atau mana-mana bahagian Perjanjian ini dengan tanpa mendapat kelulusan bertulis Kerajaan Negeri terlebih dahulu.

17.3.2 Jika Perjanjian ini atau mana-mana bahagian daripadanya diberi kontrak kecil kepada mana-mana pihak lain ("Kontraktor Kecil") dengan persetujuan bertulis Kerajaan Negeri, Kontraktor bersetuju tanpa syarat untuk terus bertanggungjawab secara berterusan dan secara

sendiri dan peribadi bagi memastikan kontraktor kecil mematuhi terma-terma dan syarat-syarat dalam Perjanjian ini.

17.3.3 Sebarang isu yang timbul antara Kontraktor dan kontraktor kecil mengenai Perjanjian ini atau hal-hal lain adalah di luar tanggungjawab Kerajaan Negeri.

17.4 SERAH HAK

Kontraktor tidak boleh menyerahkan hak kesemua atau mana-mana bahagian Perjanjian ini atau menggadai janji, menggadai atau mempertanggungkan apa-apa jua daripada wang yang kena dibayar atau yang telah genap masanya untuk dibayar di bawah Perjanjian ini dan apa-apa faedah yang terlibat atau yang mungkin terbit daripada Perjanjian ini dengan tidak terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis daripada Kerajaan Negeri.

17.5 TAWARAN ATAU BALASAN

17.5.1 Kontraktor tidak boleh menawar, memberi atau bersetuju untuk memberi kepada mana-mana kakitangan Kerajaan Negeri sebarang hadiah atau pertimbangan apa juapun sebagai dorongan atau balasan kerana melakukan apa-apa tindakan berhubung dengan perolehan atau pelaksanaan Perjanjian ini atau mana-mana perjanjian lain dengan Kerajaan Negeri atau kerana menunjukkan atau tidak menunjukkan sokongan terhadap mana-mana orang dalam Perjanjian ini atau mana-mana perjanjian dan kontrak Kerajaan Negeri yang lain.

17.5.2 Mana-mana pelanggaran syarat yang dinyatakan dalam Klausula 18.5.1 oleh Kontraktor atau oleh seseorang yang bekerja dengannya atau bertindak bagi pihaknya (sama ada dengan atau tanpa pengetahuan Kontraktor) akan terjumlah kepada suatu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 [Akta 694], berhubung dengan Perjanjian ini atau kontrak-kontrak atau perjanjian-perjanjian lain dengan Kerajaan Negeri dan dengan ini akan sentiasa memberikan

hak kepada Kerajaan Negeri untuk menamatkan Perjanjian ini dan mendapatkan kembali jumlah sebarang kerugian yang timbul akibat daripada penamatan itu daripada Kontraktor.

17.6 KOS DAN DUTI SETEM

Apa-apa kos dan duti setem yang harus dibayar berkenaan dengan Perjanjian ini hendaklah ditanggung oleh Kontraktor.

17.7 TANGGUNG RUGI

Kontraktor hendaklah menanggung rugi Kerajaan Negeri, pekerjaannya dan agennya bagi kehilangan atau kerosakan harta atau kecederaan yang berpunca daripada tindakan, kecuaiian atau ketidakjujuran Kontraktor, pengawal atau mana-mana pekerja Kontraktor.

17.8 PEMAKAIAN DAN PEMATUHAN UNDANG-UNDANG

17.8.1 Perjanjian ini hendaklah ditafsirkan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia dan Pihak-Pihak bersetuju untuk tertakluk kepada bidang kuasa mahkamah-mahkamah di Malaysia.

17.8.2 Kontraktor hendaklah mematuhi segala peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa, arahan, perintah atau kehendak yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa yang kompeten untuk berbuat demikian di bawah mana-mana peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa di Malaysia.

17.8.3 Kontraktor hendaklah memastikan mana-mana kontraktor kecil yang dilantik di bawah Klausula 18.3 turut mematuhi segala peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa, arahan, perintah atau kehendak yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa yang kompeten untuk berbuat demikian di bawah mana-mana peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa di Malaysia.

17.9 BIDANG KUASA MAHKAMAH

Tertakluk kepada Klausula-Klausula penyelesaian pertikaian seperti mana yang diperuntukan dibawah Perjanjian ini, Pihak-Pihak bersetuju untuk mematuhi bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia dan Mahkamah Malaysia mempunyai bidang kuasa eksklusif untuk mendengar segala tindakan atau prosiding dibawah Perjanjian ini.

17.10 PINDAAN

Sebarang pindaan, tambahan atau perubahan kepada Perjanjian ini hendaklah dibuat secara bertulis melalui suatu perjanjian tambahan yang merujuk khusus kepada Perjanjian ini dan ditandatangani oleh wakil yang diberi kuasa oleh Pihak-Pihak.

17.11 KERAHSIAAN

17.11.1 Kontraktor tidak boleh menzahirkan kepada mana-mana orang atau mana-mana pihak apa-apa maklumat yang ditemuinya atau yang dizahirkan kepadanya bagi maksud pelaksanaan Perjanjian ini antara Pihak-Pihak.

17.11.2 Klausula 18.11.1 hendaklah terus berkuat kuasa walaupun setelah Perjanjian ini ditamatkan atas apa-apa sebab.

17.12 MASA

Masa hendaklah menjadi intipati dalam Perjanjian ini.

17.13 IKATAN PERJANJIAN

Perjanjian ini hendaklah mengikat ejen-ejen, wasi-wasi, pentadbir-pentadbir, pengganti-pengganti dan penerima pindahmilik Kontraktor.

17.14 DOKUMEN PERJANJIAN

- 17.14.1 Jadual kepada Perjanjian ini hendaklah dibaca dan ditafsirkan sebagai sebahagian yang penting kepada Perjanjian ini.
- 17.14.2 Dokumen-dokumen berikut hendaklah dibaca serta disifatkan sebagai sebahagian daripada kontrak ini iaitu :
- a) Surat Setuju Terima
 - b) Keseluruhan Dokumen Sebut Harga
 - c) Lampiran-lampiran yang dikemukakan Bersama Dokumen Sebut Harga

18 TAWARAN ATAU BALASAN

- 18.1 Kontraktor tidak boleh menawar, memberi atau bersetuju untuk memberi kepada mana-mana kakitangan Kerajaan Negeri sebarang hadiah atau pertimbangan apa juaupun sebagai dorongan atau balasan kerana melakukan apa-apa tindakan berhubung dengan perolehan atau pelaksanaan Perjanjian ini atau mana-mana perjanjian lain dengan Kerajaan Negeri atau kerana menunjukkan atau tidak menunjukkan sokongan terhadap mana-mana orang dalam Perjanjian ini atau mana-mana perjanjian dan kontrak Kerajaan Negeri yang lain.

- 18.2 Mana-mana pelanggaran syarat yang dinyatakan dalam Klausula 18.1 oleh Kontraktor atau oleh seseorang yang bekerja dengannya atau bertindak bagi pihaknya (sama ada dengan atau tanpa pengetahuan Kontraktor) akan terjumlah kepada suatu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 [*Akta 694*], berhubung dengan Perjanjian ini atau kontrak-kontrak atau perjanjian-perjanjian lain dengan Kerajaan Negeri dan dengan ini akan sentiasa memberikan hak kepada Penyewa untuk menamatkan Perjanjian ini dan mendapatkan kembali jumlah sebarang kerugian yang timbul akibat daripada penamatan itu daripada Tuan Punya.
- 18.3 Tanpa menyentuh apa-apa hak Kerajaan Negeri yang lain, jika Kontraktor, prinsipal, personel atau pekerjanya disabitkan oleh mahkamah bagi perbuatan rasuah atau aktiviti haram atau menyalahi undang-undang berkaitan Perjanjian ini atau mana-mana perjanjian lain yang dimasuki di antara Kontraktor dan Kerajaan Negeri, Kerajaan Negeri berhak untuk menamatkan Perjanjian ini pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis bagi tujuan tersebut kepada Kontraktor.
- 18.4 Berikutan penamatan tersebut, Kerajaan Negeri berhak kepada apa-apa kerugian, kos, ganti rugi dan perbelanjaan (termasuk kos-kos dan perbelanjaan sampingan) yang timbul dan ditanggung akibat penamatan tersebut.
- 18.5 Bagi mengelakkan keraguan, Pihak-Pihak bersetuju bahawa Kerajaan Negeri tidak layak untuk menuntut apa-apa bentuk ganti rugi yang lain termasuk kerugian perolehan pendapatan, pampasan atau apa-apa tuntutan lain berbangkit daripada penamatan Perjanjian ini.

(Ruang di bawah sengaja dibiarkan kosong)

PADA MENYAKSIKAN PERJANJIAN INI, Pihak-Pihak pada Perjanjian ini telah menurunkan tandatangan dan meteri mereka pada hari dan tahun mula-mula yang tertulis di atas.

Untuk dan bagi pihak Kerajaan Negeri)

)

Nama:

No. K/P:

Jawatan

Di hadapan:

Nama:)

No. K/P :)

Jawatan :

Untuk dan bagi pihak Kontraktor)

)

Nama:

No. K/P:

Jawatan

Di hadapan:

Nama:)

No. K/P :)

Jawatan :)

Spesifikasi Peralatan :

SURAT AKUAN PEMBIDA BERJAYA

NO. SEBUT HARGA : KST/PMPP/20/04

SEBUTHARGA PEROLEHAN PERKHIDMATAN PENYEWAAN, PEMBEKALAN, PENGHANTARAN DAN PENYELENGGARAAN EMPAT (4) UNIT MESIN PENYALIN DIGITAL UNTUK JABATAN PERANCANG BANDAR DAN DESA NEGERI PULAU PINANG BAGI TEMPOH TIGA PULUH ENAM (36) BULAN BERMULA 1 JULAI 2020 SEHINGGA 30 JUN 2023.

Saya No. Kad Pengenalan
yang mewakili No. Pendaftaran
Syarikat dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-
mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada
mana-mana individu dalam Jabatan Perancang Bandar Dan Desa Negeri Pulau Pinang atau
mana-mana individu lain, sebagai sokongan untuk dipilih dalam tender/sebut harga* seperti
di atas. Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti
tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati cuba
menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam Jabatan Perancang
Bandar Dan Desa Negeri Pulau Pinang atau mana-mana individu lain sebagai sogokan
untuk dipilih dalam tender/sebut harga* seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat
bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1 Penarikan balik tawaran kontrak bagi tender/sebut harga* di atas; atau
- 2.2 Penamatan kontrak bagi tender/sebut harga* di atas; dan
- 2.3 Lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan yang
berkuatkuasa.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau
mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam

tender/sebut harga* seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....

Nama :
No. Kad Pengenalan :
Tarikh :
Cop Syarikat :